



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,
JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,
75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 05 Januari 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.2 TAHUN 2017

Pengurusan Jaminan Bagi Waran Tangkap Kes Mal Dan Jenayah Di Hadapan Pendaftar

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Isu Perundangan Bersama Jabatan / Agensi (Bahagian Pendakwaan JAIM) Bil.1 tahun 2016 pada 16 April 2016 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Waran Tangkap yang ada perintah pengendorsan jaminan boleh diselesaikan di hadapan Pendaftar sepertimana kuasa Pendaftar dalam peruntukan undang-undang.
2. Pendaftar hendaklah menentukan bahawa jaminan itu mencukupi dan menghendaki penjamin menunjukkan bahawa dia mempunyai kemampuan untuk memberikan jaminan.
3. Waran Tangkap yang **TIADA** perintah pengendorsan jaminan **HENDAKLAH** dibawa terus di hadapan Hakim sepertimana yang dikehendaki.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka